

4000015946

180735



HADIAH

PUMS99:I

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: PENGgunaan "WAD PIJINAR" DALAM MATA PELAJARANEKONOMI AGAS TINGKATAN 4 RAGI SUBTOPIK "PENENTU-PENENTU PERINTAHANIJAZAH: SARJANA MUDA PENDIDIKANSAYA ASMINIDAR TARA (HURUF BESAR) SESI PENGAJIAN: 2008/2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

(TANDATANGAN PENULIS)

(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

EN MOHD KHAIRUDDIN ABDULLAH  
Nama PenyeliaAlamat Tetap: pet. surat  
61451, 91024, TAWAU,  
SabahTarikh: 06.11.2008Tarikh: 06.11.2008

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

PERPUSTAKAAN UMS

is bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana



1400015946

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGGUNAAN "KAD PINTAR" DALAM MATA  
PELAJARAN EKONOMI ASAS TINGKATAN 4 BAGI  
SUBTOPIK PENENTU-PENENTU PERMINTAAN**

**ASMIDAR BINTI TARA**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PROJEK INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA MUDA  
PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2008**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa Projek Sarjana Muda Pendidikan (PSMP) ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



.....  
**(ASMIDAR BINTI TARA)**  
**HT2005-3308**

Tarikh: 06.11.2008



**PENGESAHAN**

NAMA : **ASMIDAR BINTI TARA**

TAJUK : **PENGGUNAAN "KAD PINTAR" DALAM MATA PELAJARAN EKONOMI ASAS TINGKATAN 4 BAGI SUBTOPIK PENENTU-PENENTU PERMINTAAN**

IJAZAH : **SARJANA MUDA PENDIDIKAN**

TARIKH VIVA : **31 OKTOBER 2008**

**DISAHKAN OLEH**

**1. PENYELIA**  
(EN. MOHD KHAIRUDDIN BIN ABDULLAH)



## PENGHARGAAN

### Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani

Segala pujian bagi Allah SWT, Tuhan seluruh alam. Selawat dan salam ke atas Junjungan Nabi Muhammad SAW dan seluruh keluarga serta para sahabat baginda. Setinggi-tinggi kesyukuran saya ucapkan ke hadrat Allah SWT yang telah membekalkan saya dengan kesihatan, kekuatan dan semangat untuk belajar dan seterusnya menyiapkan penulisan Projek Sarjana Muda ini.

Melalui kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dekan, Timbalan Dekan dan Encik Mohd. Khairuddin Bin Abdullah selaku penyelia di atas tunjuk ajar dan bimbingan yang padu sepanjang tempoh menyiapkan penulisan ini. Tidak dilupa juga kepada pensyarah-pensyarah dan staf-staf sokongan di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) yang telah membantu saya secara lansung atau tidak langsung hingga selesainya projek ini. Jutaan terima kasih diucapkan kepada mereka.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Sekolah Menengah Maktab Sabah, Kota Kinabalu kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik semasa melaksanakan kajian ini. Begitu juga kepada para pelajar yang terpilih sebagai responden yang telah memberikan kerjasama dengan menjawab ujian pencapaian dan borang soal selidik, terima kasih diucapkan.

Ucapan penghargaan ini juga ditujukan buat keluarga saya, penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kerana banyak memberi bantuan, semangat dan dorongan kepada saya untuk menyiapkan projek ini.

Akhir sekali, segala kerjasama, bimbingan, pertolongan dan dorongan semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, sesungguhnya ia amat bermakna dan bernilai buat diri ini. Segala jasa, budi baik dan ketulusan hati akan tetap dikenang hingga ke akhir hayat. Hanya Allah SWT sahajalah yang dapat memberikan ganjaran yang setimpal. Semoga kita semua mendapat kebaikan di dunia ini dan kejayaan akhirat kelak. InsyaAllah...Amin.

## **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan "Kad Pintar" semasa proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas tingkatan 4 di dalam bilik darjah di Sekolah Menengah Maktab Sabah, Kota Kinabalu. Kajian ini menggunakan rekabentuk kuasi-eksperimen ujian pra dan pasca. Pendekatan persampelan adalah secara tidak rawak. Sampel terdiri daripada sebuah kelas tingkatan 4 sahaja yang mengambil mata pelajaran Ekonomi Asas iaitu kelas 4 Tertib yang mempunyai pelajar seramai 43 orang. Para pelajar akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan seramai 20 orang pelajar dan diajar menggunakan kaedah tradisional, manakala 23 orang pelajar yang lain mewakili kumpulan rawatan dan diajar menggunakan "Kad Pintar". Subtopik kajian adalah berkenaan dengan Penentu-penentu Permintaan. Instrumen kajian yang digunakan terdiri daripada soal selidik untuk menguji minat dan ujian pra dan pasca untuk menguji pencapaian pelajar. Data kajian dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan inferensi khususnya menggunakan ujian-t. Dapatan kajian menunjukkan kesan penggunaan "Kad Pintar" dalam mempertingkatkan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas. Secara keseluruhan, tahap pencapaian pelajar dalam kumpulan rawatan ( $\text{min}=8.83$ ) adalah secara signifikannya lebih tinggi berbanding dengan kumpulan kawalan ( $\text{min}=6.50$ ). Selain itu, penggunaan "Kad Pintar" juga dapat menarik minat pelajar untuk terus mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran.

787734

## **ABSTRACT**

### **THE USAGE OF "SMART CARD" IN FUNDAMENTAL ECONOMY SUBJECT OF FORM 4 FOR THE SUBTOPIC OF DETERMINANTS OF DEMAND**

*The purpose of the study was to determine the effectiveness of the usage of "Smart Card" for form 4 Fundamental Economy subject in classroom at Sekolah Menengah Maktab Sabah. Kota Kinabalu. This study employed a quasi-experiment, advocating the use of pre and post-test research design. A non-purposive (non-randomly sampling) sampling was employed. Sample consists of one form 4 class (4 Tertib) which study Fundamental Economy that has a number of 43 students. The students will be divided into two groups: controlled group with 20 students and are taught using the common method, whereas another 23 students represents treatment group and are taught using Smart Cards. The subtopic of the study is concerning with the Determinants of Demand. The study's instruments consist of questionnaire forms to test their interest and pre and post-tests to test their achievements. The data was analysed using the descriptive statistic method and inference, particularly using the T-test. Findings show the effect of using the Smart Cards can increase students' achievement level in Fundamental Economy subject. Overall, students' achievement level in treatment group (mean= 8.83) is significantly higher than controlled group (mean= 6.50). apart from that, the use of Smart Cards can also attract students' interest to keep on participating the teaching and learning process.*

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
<b>SENARAI SIMBOL</b>	<b>xiv</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	6
1.5 Tujuan Kajian	7
1.6 Objektif Kajian	7
1.7 Hipotesis Kajian	7
1.8 Batasan Kajian	8
1.9 Kesignifikan Kajian	9
1.10 Definisi Operasional	9
1.10.1 Peta Konsep	9
1.10.2 Prestasi	10
1.10.3 Pelajar	10
1.10.4 Proses Pengajaran dan Pembelajaran	10

<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
2.1	Pengenalan	12
2.2	Teori	12
	2.2.1 Teori Konstruktivisme	12
2.3	Model Pembelajaran	14
	2.3.1 Model Pengajaran Robert Glaser (1962)	14
	2.3.2 Model Pengajaran Sim (Model Interaksi)	16
2.4	Kajian Literatur	18
	2.4.1 Kajian Literatur Dalam Negara	18
	2.4.2 Kajian Literatur Luar Negara	21
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	26
2.6	Kesimpulan	26
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>28</b>
3.1	Pengenalan	28
3.2	Rekabentuk Kajian	28
3.3	Populasi dan Persampelan	29
3.4	Instrumen Kajian	30
	3.4.1 Borang Soal Selidik	31
	3.4.1.1 Kandungan Borang Soal Selidik	31
	3.4.2 Ujian	32
	3.4.2.1 Ujian Pra	32
	3.4.2.2 Ujian Pasca	32
	3.4.3 Rancangan Pengajaran Harian	33
3.5	Prosedur Kajian	33
3.6	Pengumpulan Data	34
3.7	Penganalisan Data	34
3.8	Kesimpulan	35

<b>BAB 4</b>	<b>PROTOTAIP PRODUK</b>	<b>36</b>
4.1	Pengenalan	36
4.2	Tangible (Nyata)	36
4.3	Aspek Teknikal	37
4.3.1	Dimensi	
4.3.2	Kos	37
4.3.3	Masa	38
4.4	Reka bentuk Produk	38
4.5	Teknik Penggunaan Produk	38
4.6	Strategi Penilaian Prototaip	39
4.7	Kelebihan Produk	40
4.8	Kesimpulan	41
<b>BAB 5</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	<b>43</b>
5.1	Pengenalan	43
5.2.1	Taburan Frekuensi dan Peratusan Kumpulan Kawalan dan Rawatan	43
5.2.2	Taburan Frekuensi dan Peratusan Latar Belakang Bagi Kumpulan Rawatan	44
5.3	Pengujian Hipotesis	45
5.3.1	Hipotesis Nul ( $H_0$ ): Penggunaan "Kad Pintar" tidak dapat menarik minat pelajar Semasa proses pengajaran dan pembelajaran	46
5.3.2	Hipotesis Nul ( $H_0$ ): Tidak wujud perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar apabila menggunakan kaedah biasa	50
5.3.3	Hipotesis Nul ( $H_0$ ): Tidak wujud perbezaan skor min ujian pra dan pasca terhadap tahap pencapaian pelajar apabila menggunakan "Kad Pintar"	53

5.3.4 Hipotesis Nul ( $H_0$ ) : Tidak wujud perbezaan skor min ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar di antara menggunakan "Kad Pintar" dengan kaedah biasa	56
5.4 Kesimpulan	60

<b>BAB 6 PERBINCANGAN</b>	<b>61</b>
6.1 Pengenalan	61
6.2 Perbincangan	61
6.3 Implikasi Kajian	66
6.4 Rumusan	68

## **RUJUKAN**

## **LAMPIRAN**

## **SENARAI RAJAH**

<b>No. Rajah</b>	<b>Nama Rajah</b>	<b>Halaman</b>
Rajah 2.1	Proses pengajaran berlandaskan Model Pengajaran Robert Glaser	15
Rajah 2.2	Model Pengajaran Sim	17
Rajah 2.3	Kerangka Konseptual Kajian	26
Rajah 4.0	Prototaip Produk	42
Rajah 5.1	Peratus Keseluruhan Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan "Kad Pintar" Dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas	48
Rajah 5.2	Graf Markah Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	51
Rajah 5.3	Graf Markah Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Rawatan	54
Rajah 5.4	Graf Markah Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan	57

## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Nama Jadual	Halaman
Jadual 2.1	Perbandingan Skor Min, Sisihan Lazim dan Skor Gain Sikap Pelajar Berdasarkan Tahap Keupayaan dan Strategi Pengajaran	22
Jadual 2.2	Skor Hasil Pembelajaran Pelajar	23
Jadual 2.3	Nilai F Hasil Analisis Statistik ANCOVA	23
Jadual 3.1	Reka bentuk Kuasi Eksperimen	29
Jadual 3.2	Populasi Pelajar Tingkatan 4	30
Jadual 3.3	Jumlah Pelajar Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Rawatan Berdasarkan Jantina Pelajar	30
Jadual 3.4	Skala Ordinal	35
Jadual 4.1	Anggaran Kos untuk Menghasilkan Produk	37
Jadual 5.1	Taburan Frekuensi dan Peratusan Kumpulan Kawalan dan Rawatan	44
Jadual 5.2	Taburan Frekuensi dan Peratusan Latar Belakang bagi Kumpulan Rawatan	45
Jadual 5.3	Peratus Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan "Kad Pintar" Dalam Mata Pelajaran Ekonomi Asas	46
Jadual 5.4	Pengiraan Peratus Keseluruhan Item	47
Jadual 5.5	Min Skor Keseluruhan	48
Jadual 5.6	Markah Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Kawalan (Kaedah Biasa)	50
Jadual 5.7	Statistik Kumpulan Kawalan (Berpasangan)	52
Jadual 5.8	Hasil Ujian-t Sampel (Sampel Berpasangan)	52
Jadual 5.9	Markah Ujian Pra Dan Pasca Bagi Kumpulan Rawatan ("Kad Pintar")	53
Jadual 5.10	Statistik Kumpulan Rawatan (Berpasangan)	55
Jadual 5.11	Hasil Ujian-t Sampel (Sampel Berpasangan)	55

Jadual 5.12	Markah Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan (Kaedah Biasa) dan Rawatan ("Kad Pintar")	56
Jadual 5.13	Statistik Kumpulan Kawalan dan Rawatan (Sampel Bebas)	58
Jadual 5.14	Hasil Ujian-t Sampel bagi Dua Min Sampel Bebas	58
Jadual 5.15	Kesimpulan Bagi Dapatan Kajian	60

## **SENARAI SIMBOL**

N	Bilangan subjek
df	<i>Degree of freedom</i>
Sig	Nilai Signifikan
<	Kurang daripada
>	Lebih daripada
=	Sama dengan
%	Peratus
-	Tanda negatif

## **SENARAI LAMPIRAN**

<b>LAMPIRAN A</b>	SOALAN UJIAN PRA
<b>LAMPIRAN B</b>	SOALAN UJIAN PASCA
<b>LAMPIRAN C</b>	BORANG SOAL SELIDIK I
<b>LAMPIRAN D</b>	BORANG SOAL SELIDIK II
<b>LAMPIRAN E</b>	RANCANGAN PENGAJARAN HARIAN
<b>LAMPIRAN F</b>	ANALISIS DATA MIN ( $H_0_1$ )
<b>LAMPIRAN G</b>	ANALISIS DATA UJIAN-T ( $H_0_2$ )
<b>LAMPIRAN H</b>	ANALISIS DATA UJIAN-T ( $H_0_3$ )
<b>LAMPIRAN I</b>	ANALISIS DATA UJIAN-T ( $H_0_4$ )



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pengenalan

Falsafah Pendidikan Kebangsaan menyatakan pendidikan di Malaysia merupakan suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

Dalam konteks matlamat pendidikan negara, pendidikan yang cemerlang adalah satu sistem pendidikan yang berupaya memenuhi kehendak masyarakat. Namun begitu dalam usaha menyediakan generasi yang berketerampilan, kualiti sistem pendidikan haruslah dipertingkatkan lagi selaras dengan keperluan masa depan. Melalui pengurusan berfokus, seperti yang disarankan oleh Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, tumpuan hendaklah diberi terhadap satu-satu bidang yang penting dalam sistem pendidikan negara untuk dinilai dan dikaji kekuatan serta kelemahannya. Dalam konteks ini tumpuan utama adalah terhadap proses pengajaran dan pembelajaran untuk dinilai keberkesanannya.

Walaupun sistem pendidikan kita sudah mencapai satu standard kualiti yang cukup membanggakan berbanding negara-negara membangun yang lain, namun begitu masih terdapat ruang-ruang yang boleh dipertingkatkan lagi keberkesanannya dan keefesienannya, terutama dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Dalam usaha memenuhi strategi, kaedah dan teknik pendidikan berkesan dalam bilik darjah, media pengajaran merupakan intipati penting dalam usaha membantu guru bagi melicin dan melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, media pengajaran perlu sesuai dengan apa yang akan diajar dalam kelas dan perlu dipilih secara terancang. Pemilihan media pengajaran secara terancang dan sesuai akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran lebih bermakna dan menghasilkan kesan yang lebih positif (Mok Song Sang, 1991 dalam Kamaruddin Hj. Abu Hassan *et al.* 2000). Di samping itu, penilaian terhadap sesuatu media pengajaran juga perlu dilakukan oleh guru bagi memastikan kualitinya berada dalam keadaan yang baik dan berkesan.

Oleh itu, guru berperanan penting dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan efektif. Ini bererti guru menyampaikan bahan pelajaran dengan baik dan bersistematik manakala pelajar pula menerima pelajaran dan mempraktikkan apa yang dipelajari. Peranan guru dalam membuat persediaan mengajar amat penting khususnya dari aspek penyediaan 'Bahan Bantu Mengajar' (BBM). Oleh itu, seseorang guru seharusnya memperuntukkan masa bagi menyediakan BBM yang akan digunakan dalam menyampaikan pengajaran mereka.

Salah satu cara yang dapat mendorong para pelajar untuk belajar secara "bermakna" adalah dengan penggunaan "peta konsep", baik sebagai media mahu pun sebagai alat evolusi. Peta konsep merupakan media pendidikan yang dapat menunjukkan konsep ilmu secara sistematik, iaitu dibentuk mulai dari inti permasalahan sampai kepada bahagian pendukung yang mempunyai hubungan satu sama lain, sehingga dapat membentuk pengetahuan dan mempermudahkan pemahaman suatu topik pelajaran (Pandley, 1994).

Selaras dengan itu, pengkaji telah berusaha untuk menghasilkan satu produk yang dapat membawa proses pengajaran dan pembelajaran yang efektif. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan menghasilkan "Kad Pintar" yang menggunakan peta konsep untuk membantu guru dan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran

bagi sesuatu mata pelajaran, misalnya mata pelajaran Ekonomi Asas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Mata pelajaran Ekonomi Asas adalah salah satu mata pelajaran elektif untuk tingkatan IV dan V. Sukatan pelajaran Ekonomi Asas digubal dengan tujuan memberi murid pemahaman yang teguh mengenai prinsip asas ekonomi bagi membantu mereka memahami dunia moden dan membuat keputusan yang akan membentuk masa depan. Pemahaman ekonomi dapat membantu individu memainkan peranan sebagai pengguna, pengeluar dan pekerja yang berpengetahuan dan bertanggungjawab dalam masyarakat selaras dengan hasrat dan wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mampu bersaing dalam dunia tanpa sempadan (Huraian Sukatan Mata Pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan 4 dan 5, 2003).

Dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas, nilai-nilai murni dan semangat patriotik diperkembangkan secara bersepadu. Pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran seperti kaedah penemuan, kajian kes, permainan dan latihan simulasi digunakan dalam pengajaran. Perancangan persediaan mengajar yang baik akan menghasilkan suatu pengajaran yang berkesan. Proses pengajaran mengandungi tiga komponen penting iaitu perancangan, penyampaian dan penilaian. Apabila langkah ini disusun atur dan dibantu dengan penggunaan "Kad Pintar" maka ia akan menghasilkan suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu, dengan menggunakan "Kad Pintar" dalam pengajaran dan pembelajaran akan memberikan kesan yang mendalam kepada pelajar.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Mata Pelajaran Ekonomi Asas termasuk dalam pelajaran kelompok kedua iaitu Vokasional dan Teknologi dalam senarai mata pelajaran menengah atas. Pelajaran Ekonomi Asas hanya diajar untuk pelajar menengah atas iaitu pelajar tingkatan empat dan tingkatan lima, sebagai mata pelajaran elektif. Walaupun subjek ini hanya diajar untuk menengah atas, tetapi subjek ini penting untuk para pelajar. Mata pelajaran ini membekalkan pengetahuan kepada pelajar tentang prinsip asas ekonomi dan kemahiran

dalam mentafsir ekonomi. Seterusnya akan membolehkan pelajar menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan pilihan dalam menghadapi perubahan (sukatan Pelajaran Ekonomi Asas, KBSM 2000).

Di samping itu, pelajaran Ekonomi Asas yang telah digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia akan membolehkan pelajar mengetahui peranan individu sebagai pengguna dan pengeluar serta penglibatan individu dalam pembangunan ekonomi negara dan ekonomi antarabangsa (Dato' Seri Dr. Abdul Shukor bin Abdullah, Pengarah Pendidikan Malaysia, 2000). Selain itu, subjek Ekonomi Asas juga membolehkan para pelajar mengetahui fungsi dan peranan yang dimainkan oleh institusi-institusi kewangan. Dalam artikel yang berkaitan dengan sukanan pelajaran Ekonomi Asas oleh Kementerian Pendidikan Malaysia menyatakan matlamat sukanan pelajaran Ekonomi Asas ialah membekalkan pelajar dengan pengetahuan asas ekonomi, memahami tentang masalah ekonomi negara dan sumbangan kegiatan ekonomi. Selain itu, pelajaran Ekonomi Asas juga akan mendidik pelajar menjadi pekerja yang berpengetahuan dan menjadi ahli masyarakat yang berkebolehan untuk mengurus sumber secara optimum dan bertanggungjawab. Ini adalah sesuai dengan tuntutan alaf baru serta selaras dengan hasrat dan wawasan yang ingin menjadikan negara Malaysia sebagai negara maju dan mampu bersaing dalam dunia tanpa sempadan.

Menurut Mat Nor Hussin, Ab. Rahman Ab. Rashid (1988), alat-alat yang menyokong penyampaian pembelajaran diberi nama 'alat bantu mengajar'. Penggunaan alat bantu mengajar boleh menimbulkan rangsangan dan keinginan pelajar untuk mengetahui lebih mendalam akan sesuatu aspek pengajaran di samping boleh menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran terbukti berkesan dan memperlihatkan kecekapan guru dalam mempersempahkan pengajaran mereka. Manakala berdasarkan pencapaian akademik pelajar, jelas menunjukkan bahawa guru yang menggunakan alat bantu mengajar lebih baik berbanding dengan guru yang kurang menggunakannya. Penggunaan alat bantu mengajar memberi sumbangan yang amat besar dalam mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru dan pelajar.

Kepentingan bahan bantu mengajar termasuk dapat mencetuskan minat pelajar, mengetengahkan konsep, pengalaman, penggunaan deria, menjimatkan masa pembelajaran pelajar dan meningkatkan penglibatan pelajar. Alat bantu mengajar dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang sesuai kepada pelajar, memberi keberkesanan dalam proses pembelajaran dan menjadi lebih menarik serta menggembirakan pelajar. Pelajar juga dapat menyaksikan sendiri alat bantu mengajar dalam pengajaran guru dan memahami konsep pengajaran dengan lebih jelas. Daya ingatan pelajar menjadi lebih baik, di mana pelajar dapat berfikir secara kritis serta dapat mengkaji dan mendalami fakta-fakta pengajaran guru.

Gagne (1996) menyatakan bahawa penggunaan peta konsep merupakan satu strategi kognitif yang mudah diamalkan. Pelajar akan mempelajari bahan yang diajar dengan cepat apabila pengajaran dibuat dalam bentuk kumpulan dengan menggunakan lakaran yang berbentuk gambar atau bentuk perkataan tersusun. Pelajar juga akan menggunakan kemahiran intelek untuk berfikir bagi menyelesaikan masalah yang diberi berdasarkan mata pelajaran yang diajar. Pelajar yang menghadapi masalah akan memilih cara mudah untuk memilih dan memahami kandungan pelajaran yang mewakili keseluruhan topik dengan bantuan rakan sebaya atau guru.

Sehubungan itu, langkah-langkah tertentu perlu diambil untuk memastikan para pelajar memahami subjek Ekonomi Asas ini. Kajian ini mengenalpasti sejauh mana penggunaan "Kad Pintar" yang menggunakan peta konsep sebagai alat bantu mengajar (ABM) ini dapat meningkatkan minat terhadap pembelajaran Ekonomi Asas. Selain itu, kajian ini juga melihat sejauh mana produk ini berupaya membantu meningkatkan prestasi pelajar terhadap topik yang diajar.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Guru selalunya bermasalah dalam menarik minat pelajar untuk mengikuti pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas dalam kelas. Pelajar selalunya kurang memberi tumpuan terhadap mata pelajaran kerana tidak semua pelajar yang mengambil mata pelajaran ini dengan kerelaannya sendiri. Selain itu, kekurangan alat

bantu mengajar atau belum terdapat alat bantu mengajar untuk topik yang berkaitan dalam mata pelajaran ini juga menyumbang kepada masalah dalam menarik minat pelajar. Pelajar tidak akan berminat untuk mengikuti sesuatu mata pelajaran jika dalam satu atau dua masa, proses pengajaran hanya melalui kaedah tradisional iaitu sekadar melihat, mendengar, menonton dan tidak menarik minat pelajar (Hasan Langgulung, 1990 dalam Wahidin *et al.* 2004). Pelajar akan merasa cepat bosan. Oleh itu, strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh meningkatkan sikap pelajar terhadap mata pelajaran ekonomi asas ini perlu dikembangkan sehingga ia boleh menjadi motivasi serta menarik minat pelajar untuk meningkatkan proses pembelajarannya.

Di samping itu, pelajar juga menghadapi masalah bosan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas. Ini kerana pelajar perlu mempelajari konsep yang sama dan saling berkaitan. Ini menyebabkan pelajar bosan dan secara langsung akan menyebabkan pelajar tidak menumpukan perhatian terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini seterusnya akan menyebabkan pelajar tidak memahami maklumat yang disampaikan oleh guru.

Sehubungan itu, hal ini seharusnya dititikberatkan dan langkah-langkah sewajarnya perlu diambil dengan segera. Oleh itu, masalah utama adalah bagaimana menarik minat pelajar terhadap topic yang diajar bagi mata pelajaran Ekonomi Asas serta bagaimana meningkatkan tahap kefahaman pelajar yang seterusnya akan membawa kepada peningkatan tahap pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat empat persoalan utama kajian iaitu:

1. Adakah penggunaan "Kad Pintar" dapat menarik minat pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan?
2. Adakah wujud perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar apabila menggunakan kaedah biasa?
3. Adakah wujud perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar apabila menggunakan "Kad Pintar"?

4. Adakah wujud perbezaan skor min ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar di antara penggunaan "Kad Pintar" dengan kaedah biasa?

### **1.5 Tujuan Kajian**

Kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana penggunaan peta konsep dalam "Kad Pintar" ini berkesan dan mudah digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas bagi meningkatkan minat pelajar terhadap topik yang diajar. Kajian ini juga ingin melihat sama ada penggunaan "Kad Pintar" dapat meningkatkan prestasi pelajar terhadap topik ini.

### **1.6 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenalpasti sama ada penggunaan "Kad Pintar" dapat menarik minat pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.
2. Mengenalpasti sama ada wujud perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar apabila menggunakan kaedah biasa.
3. Mengenalpasti sama ada wujud perbezaan skor min antara ujian pra dan pasca terhadap tahap pencapaian pelajar apabila menggunakan "Kad Pintar".
4. Mengenalpasti sama ada wujud perbezaan skor min ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar di antara penggunaan "Kad Pintar" dengan kaedah biasa.

### **1.7 Hipotesis Kajian**

Hipotesis adalah saranan atau andaian sementara bagi menjelaskan fenomena populasi yang dikaji tentang kemungkinan penyelesaian atau dapatan sesuatu kajian. Pengkaji menggunakan beberapa hipotesis nul ( $H_0$ ) untuk membentuk andaian-andaian awal tentang perkara yang dikaji, iaitu:

- $H_0_1$  : Penggunaan "Kad Pintar" tidak dapat menarik minat pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.
- $H_0_2$  : Tidak wujud perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar apabila menggunakan kaedah biasa.
- $H_0_3$  : Tidak wujud perbezaan skor min antara ujian pra dan ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar apabila menggunakan "Kad Pintar".
- $H_0_4$  : Tidak wujud perbezaan skor min ujian pasca terhadap tahap pencapaian pelajar di antara penggunaan "Kad Pintar" dengan kaedah biasa.

## 1.8 Batasan Kajian

Lokasi kajian ini sangat terhad kerana pengkaji perlu memilih sebuah sekolah sahaja iaitu Sekolah Menengah Maktab Sabah sebagai fokus kajian yang hanya terletak di sekitar daerah Kota Kinabalu. Pengkaji tidak dapat memilih lebih daripada sebuah sekolah untuk menguji produknya. Jangka masa yang diberikan oleh pengkaji juga terhad. Ini kerana, masa yang diperuntukkan oleh pengkaji untuk menyiapkan Projek Sarjana Muda Pendidikan 1 (PSMP1) ini hanya 3 bulan sahaja. Jurang masa ini terlalu singkat dan menyukarkan pengkaji untuk menghasilkan projek yang benar-benar berkualiti.

Responden kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar sekolah menengah tingkatan empat yang mengambil aliran sastera iktisas yang terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas di sekolah tersebut. Hanya sebuah kelas sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Jumlah pelajar yang terlibat dalam kajian ini hanya seramai 43 orang. Oleh itu, hasil kajian yang diperolehi hanya menguji dan bergantung kepada 43 orang pelajar ini sahaja. Kajian ini juga melibatkan kerjasama guru-guru dan pihak sekolah bagi membantu proses tinjauan dan kajian dilakukan.

## **RUJUKAN:**

Azizah Abdullah. *Keberkesanan penggunaan peta konsep dalam mata pelajaran sains di kalangan pelajar tingkatan satu (atas talian)* <http://akademik.ukm.my/eda/projekge6553/sains.htm?PHPSESSID=4abc749916a8756882a545e499c1cf43>. Dicetak 5 Mac 2007.

Ang Huat Bin. 1999. *Konsep dan Kaedah Pengajaran dengan Penekanan Pendidikan Inklusif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

Hazamer b. Mohd Sukor. (2004). Enhancing Students' Analytical Thinking Skills Using Interactive Multimedia Courseware: A Constructivist Perspective. *Jurnal Pendidikan Guru*. Bil 17 hlm 67-79. Terbitan Bahagian Pendidikan Guru.

Kamaruddin Hj. Abu Hassan, Rashidi Azizan & Mohd. Ariff Hj. Ismail. 2000. Keberkesanan Penggunaan Projektor Overhead Sebagai Alat Bantu Mengajar di Bilik Darjah. *Jurnal pendidikan*. 25 : 119-131.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2000). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Mata Pelajaran Ekonomi Asas*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003). *Huraian Sukatan Mata Pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan 4 dan 5*. Pusat Perkembangan Kurikulum. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khalid Johari. (2003). *Penyelidikan Dalam Pendidikan: Konsep dan Prosedur*. Petaling Jaya: Terbitan Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn Bhd.

Lai Kim Leong, Khaw Ah Hong & Seah Ai Kuan. 2001. *Satu Kajian Mengenai penggunaan Bahan Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Pembelajaran Matematik Di Sekolah Rendah (atas talian)* [http://www.mpbl.edu.my/inter/penyelidikan/2001/2001\\_10\\_Laikl.pdf](http://www.mpbl.edu.my/inter/penyelidikan/2001/2001_10_Laikl.pdf). Dicetak 5 Mac 2007.

Mat Nor Hussin, Ab. Rahman Ab Rashid .1998. *Siri Pendidikan Longman Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa*. Selangor: Addison Wesley Longman Malaysia Sdn Bhd



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Mohd. Majid Konting. 1998. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mok Soon Sang & Lee Shok Mee. 1990. *Pedagogi 3: Pengajaran dan Persediaan Mengajar*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Mok Soon Sang. 1998. *Pedagogi untuk Diploma Perguruan Sem 3*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Mok Soon Sang. 2000. *Ilmu Pendidikan untuk Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) Sem I*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Mok Soon Sang. 2003. *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman

Normah Abd. Aziz & Tamby Subahan Mohd. Meerah. 1997. Salah Konsep dalam Kinematik di Kalangan Pelajar Tingkatan 4: Penggunaan Peta Konsep. *Jurnal Pendidikan*, 22: 51-68.

Rashidi Azizan, Jamalullail Abd, Wahab dan Sang Fay Lee. 2000. Salah Tanggapan Konsep Anatomi Tumbuhan di Kalangan Pelajar Tahun Tiga Fakulti Pendidikan UKM. *Jurnal Pendidikan*. 25 : 69-80.

Sharp, J. A. & Howard, K. 1996. *The management of a student research project*. 2<sup>nd</sup> ed. England: Gower.

Suasparini Panot, Hanafi Atan dan Rozhan M. Idrus. (2004). *Kesan Peta Konsep Dalam Pembelajaran Konstruktivisme Berdasarkan Laman Web: Analisis Persepsi Pelajar*. Konvensyen Teknologi Pendidikan Ke-17, hlm 86-90. Persatuan Teknologi Pendidikan Malaysia.

Sufean Hussin. 1993. *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, System dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.



Wahidin, Kamisah Osman, & T. Subahan Mohd. Meerah. 2004. Penggunaan Peta Konsep dan Peta Vee dalam Meningkatkan Sikap Pelajar Terhadap Kimia. *Jurnal Pendidikan*. 29 : 125-144.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA  
SABAH